

Rakyat Terengganu Selesa Dengan Garis Panduan Patuh Syariah Di Pawagam

Pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam usaha menuju “Terengganu Maju, Berkat Sejahtera” sama ada dari sudut ekonomi, pendidikan dan juga sosial. Antara usaha tersebut adalah dengan memperkenalkan Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Negeri Terengganu yang telah dilancarkan pada 3 Mac 2020. Garis panduan tersebut juga menyentuh isu kedudukan penonton di dalam pawagam, di mana lelaki dan wanita yang bukan mahram disediakan tempat duduk berasingan manakala untuk lelaki dan wanita yang mempunyai hubungan keluarga dan mahram telah disediakan ruangan keluarga.

Objektif utama garis panduan tersebut dilaksanakan adalah untuk mendidik masyarakat Islam mematuhi tuntutan hidup bersyariat dan bagi mengelakkan perlakuan kurang sopan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Perbuatan yang tidak sopan ini jelas mengganggu keselesaan pengunjung yang hadir bersama keluarga dan anak-anak. Ekoran daripada pelaksanaan garis panduan ini, timbul sedikit kekeliruan berkenaan isu ini apabila MalaysiaKini menerbitkan satu artikel pada 5 Julai 2020, bahawa Timbalan Setiausaha Agung DAP Nga Kor Ming, telah menggesa Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Nancy Shukri untuk meminta Kerajaan Negeri Terengganu membatalkan arahan berkenaan pengasingan jantina di pawagam. Menurut Nga Kor Ming, “Kerajaan Negeri ini telah mengasingkan pasangan berkahwin, bapa dan anak, ibu dan anak. Adakah ia wajar.”

Keputusan Kerajaan Negeri Terengganu untuk mengasingkan tempat duduk di pawagam mengikut jantina adalah selari dengan falsafah kepimpinan Kerajaan Negeri untuk menegakkan syiar Islam di Negeri Terengganu. Keputusan tersebut dibuat selepas beberapa kajian dilakukan dan ia adalah sejajar dengan Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Negeri Terengganu yang telah dilancarkan.

Rentetan dari keputusan tersebut, Kerajaan Negeri telah menerima pelbagai pandangan dan persepsi dari orang ramai. Tidak terkecuali, gesaan dari Ahli Parlimen Teluk Intan, Nga Kor Ming. Realiti sebenar keadaan panggung wayang di Terengganu adalah jauh berbeza dengan apa yang diutarakan oleh Ahli Parlimen Teluk Intan tersebut.

Pengasingan tempat duduk di pawagam Negeri Terengganu adalah terbahagi kepada tiga bahagian kawasan iaitu; Lelaki, Perempuan dan Keluarga. Kategori pengasingan yang disediakan itu tidak memberi masalah untuk individu yang datang bersama keluarga bagi menonton wayang dan mereka tidak dipaksa berpisah untuk duduk di dalam pawagam.

Tambahan, mereka yang berkeluarga boleh nyatakan di kaunter jualan tiket bahawa mereka datang bersama keluarga dan kerani jualan akan memberi opsiyen belian kategori keluarga untuk mereka. Tidak terkecuali buat pasangan yang sudah berkahwin, mereka turut boleh membeli tiket keluarga dengan hanya perlu menunjukkan bukti sudah berkahwin dan tiket keluarga akan dapat diakses oleh mereka. Walau bagaimanapun, belian tiket buat mereka yang datang bersama kawan-kawan berlainan jantina, mahupun pasangan yang belum berkahwin, opsiyen tempat duduk keluarga adalah tidak dibuka untuk mereka, dan mereka perlulah memilih tempat duduk yang sudah diasingkan mengikut jantina.

Di samping itu, satu pawagam mampu menampung penonton dalam jumlah bilangan yang besar, maka isu kekurangan tempat duduk mengikut kategori yang diizinkan tidak akan menjadi masalah. Penonton bebas untuk memilih mana-mana tempat duduk yang diinginkan, dengan syarat ia adalah dalam kategori yang dibenarkan dengan status diri, dan tidak memilih tempat duduk yang telah diarahkan untuk dikosongkan, bertepatan dengan Prosedur Operasi Standard yang telah diarahkan oleh Kerajaan bagi membantu menangani isu wabak COVID-19.

Pengurus Pawagam Lotus Five Star Terengganu, Encik Zulmajdi menjelaskan bahawa undang-undang baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri itu amat sesuai dan bertepatan dengan matlamat Kerajaan Negeri. Jelas beliau lagi, tiada sebarang masalah buat masa ini untuk pengunjung khususnya mereka yang berkeluarga untuk menonton filem, lantaran tidak perlu berpisah dari keluarga mereka.

Selain itu juga, maklum balas dari sekumpulan responden yang terdiri dari rakyat Terengganu juga menyatakan bahawa mereka berpuas hati dan bersetuju dengan pelaksanaan undang-undang tersebut. Rata-rata mereka turut menyatakan bahawa hasrat asal berkunjung ke pawagam tidak terjejas atau terbantut, malah mereka dapat menikmati filem tanpa rasa tidak selesa dan jengkel dengan keadaan pasangan bukan muhrim sebelum ini. Beberapa orang responden turut menyatakan bahawa usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri itu sejajar dengan ajaran agama yang menegah umatnya melakukan maksiat; sama ada secara terbuka atau tertutup.

Bukti persepsi positif dari rakyat Negeri Terengganu adalah dari keputusan sistem undian atas talian di laman sosial facebook, dimana 99 peratus dari jumlah responden bersetuju dan selesa dengan pelaksanaan undang-undang baru untuk pawagam di Negeri Terengganu.

Secara keseluruhan, maklum balas yang diterima dari rakyat Negeri Terengganu berkenaan pengasingan tempat duduk mengikut jantina adalah positif. Selain senang hati dengan keadaan terkini dalam panggung wayang, mereka turut menyatakan ucapan terima kasih kepada Kerajaan atas usaha yang telah dilaksanakan dalam usaha untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai sebuah Negeri yang maju, berkat dan sejahtera sekaligus menafikan kekeliruan yang cuba di bangkitkan oleh MP Teluk Intan.

Rujukan

- Ain, (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (A. Shaheera, Penemu duga)
- Ainina, (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (A. Shaheera, Penemu duga)
- Asrizan, (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (A. Shaheera, Penemu duga)
- Azri, (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (Saiful, Penemu duga)
- Firdaus, (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (A. Shaheera, Penemu duga)
- Jasmin, (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (A. Shaheera, Penemu duga)
- Norazlin. (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (Saiful, Penemu duga)
- Syukri, (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (Saiful, Interviewer)
- Wahab, (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (Saiful, Penemu duga)
- Zulmajdi. (2020, Julai 13). Pandangan Berkenaan Pengasingan Tempat Duduk Di Pawagam. (Saiful, Penemu duga)